

**HUBUNGAN NILAI TERHADAP KEJAYAAN PERNIAGAAN
SATU KAJIAN PERUSAHAAN KECIL SEDERHANA KAUM CINA DI
WILAYAH UTARA, SEMENANJUNG MALAYSIA**

oleh

KHAIR ANWAR BIN AHMAD

**Tesis yang diserahkan untuk
memenuhi keperluan bagi ijazah
Sarjana Sastera**

Jun 2006

Ditujukan khas buat

Puan Fairos, anak-anak dan keluarga

PENGHARGAAN

Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih dan sekalung penghargaan kepada penyelia saya Prof. Madya Dr.Haji Ishak Haji Ismail kerana telah memberikan sepenuh sokongan, panduan, nasihat dan bimbingan ketika menyelesaikan tesis ini. Sekalung penghargaan dan terima kasih ditujukan juga kepada penyelia bersama saya, Prof. Madya Dr.Hajjah Intan Osman yang telah memberi semangat, teguran, nasihat dan panduan yang amat berharga tanpa merasa penat, jemu dan lelah. Tanpa mereka, tesis ini mungkin tidak dapat disempurnakan dengan jayanya.

Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak Pusat Pengajian Pengurusan,Universiti Sains Malaysia, yang telah memberi perhatian, peluang dan masa yang mencukupi untuk menyiapkan program Sarjana Sastera ini. Tidak lupa juga kepada pihak pentadbiran Institut Pengajian Siswazah Universiti Sains Malaysia yang memberi kerjasama kepada saya selama ini. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua individu yang terlibat terutama sokongan mereka untuk menjawab soal selidik yang dikemukakan sehingga berjayanya program ini.

Ucapan penghargaan ditujukan kepada semua kakitangan perpustakaan Universiti Sains Malaysia, Universiti Utara Malaysia, Universiti Teknologi Mara, Perlis dan Perpustakaan Negeri Perlis kerana membantu saya mendapatkan bahan-bahan bacaan yang diperlukan dalam kajian ini. Saya juga terhutang budi kepada Prof. Madya Dr. Hajjah Hasnah Hj.Haron, rakan pembantu Fauzi dan Shahril, isteri saya Fairos, emak saya Hajjah Salma, ahli keluarga Ramziah dan Ruhiza yang sentiasa membantu, menegur dan memberi semangat sepanjang penghasilan tesis ini sehingga selesai.

JADUAL KANDUNGAN

<u>Kandungan</u>	<u>Muka surat</u>
Muka surat tajuk	i
Ditujukan khas buat	ii
Penghargaan	iii
Jadual kandungan	iv
Senarai Jadual	viii
Senarai rajah	x
Senarai Lampiran	xi
Abstrak	xii
Abstract	xiv
Bab 1: PENGENALAN	
1.1 Keusahawanan dan perniagaan	1
1.2 Keusahawanan di Malaysia	2
1.3 Pensejarahan Kaum Cina	10
1.4 Hubungan nilai dengan keusahawanan dan perniagaan	12
1.5 Nilai Kaum Cina	14
1.6 Pernyataan Masalah	17
1.7 Mengapa mengkaji Nilai	22
1.8 Persoalan Kajian	23
1.9 Objektif Kajian	24
1.9.1 Rasional kesan demografi terhadap nilai	24
1.10 Signifikan Kajian	28
1.11 Susunan Tesis	28

Bab 2: SOROTAN LITERATUR

2.1	Pengertian Nilai	30
2.2	Keusahawanan dan nilai	33
2.3	Kajian Keusahawanan di Barat	34
2.4	Kajian Keusahawanan di Malaysia	35
2.5	Kajian Nilai oleh penulis Barat	37
2.6	Kajian Nilai Kaum Cina	42
2.7	Kajian Nilai di Malaysia	45
2.7.1	Kajian Nilai Kaum Cina di Malaysia	48
2.7.2	Mengenal pasti Nilai	50
2.7.3	Rasional gabungan nilai Dao Zhu Gong dan Rokeach	51
2.8	Proses Pembentukan Rangka Kerja Teori Kajian	53
2.8.1	Pembolehkan bersandar	55
2.8.2	Pembolehkan tidak bersandar	55
2.8.3	Faktor luaran	56
2.8.4	Model kajian	58
2.8.5	Hipotesis kajian	60

BAB 3: METHODOLOGI KAJIAN

3.1	Populasi kajian 'pilot'	63
3.2	Populasi kajian sebenar	63
3.3	Jenis Rangka Persampelan	64
3.3.1	Sampel ujian 'pilot'	65
3.3.2	Sampel kajian sebenar	65
3.4	Unit analisis	72

3.5	Jenis organisasi	73
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	74
3.7	Tahun penilaian untuk analisis	74
3.8	Soal selidik ujian 'pilot'	75
3.9	Soal selidik sebenar	75
3.10	Proses pelaksanaan kajian	76
3.11	Pengukuran nilai kejayaan	77
3.12	Kaedah Analisis Data	80
BAB 4 : HASIL KAJIAN		
4.1	Pengenalan	81
4.2	Profil responden	81
4.3	Hasil ujian kebolehpercayaan	83
4.4	Hasil ujian kebolehpercayaan 'pilot' ke atas 60 peniaga Cina	84
4.5	Kaedah yang dipilih	85
4.51	Hasil analisis faktor bagi ujian 'pilot'	85
4.6.	Hasil Ujian Kebolehpercayaan ke atas 116 Peniaga Cina	88
4.7	Hasil Ujian Hipotesis	92
4.7.1	Hasil Ujian Hipotesis	94
4.7.2	Hasil Ujian Hipotesis	97
4.7.3	Hasil Ujian Hipotesis	100
BAB 5: PERBINCANGAN		
5.1	Pengenalan	107
5.2	Ulasan mengenai dapatan	107
5.21	Nilai-nilai yang mempengaruhi kejayaan	108

5.22 Faktor demografi yang mempengaruhi kejayaan	109
5.3 Implikasi kajian	111
5.3.1 Dari segi teori	112
5.3.2 Dari segi praktis	113
5.4 Batasan kajian	114
5.5 Cadangan kajian	115
5.6 Penutup	117
SENARAI RUJUKAN	120
LAMPIRAN-LAMPIRAN	128

SENARAI JADUAL

Muka surat

Jadual 1.1	Hak Milik Modal Saham (Pada nilai tara) Syarikat Berhad Mengikut Kumpulan Etnik dan Sektor, 2002 (dalam %)	4
Jadual 1.2	Hak Milik Modal Saham (Nilai tara) Syarikat Berhad,2000 dan 2002.	5
Jadual 1.3	Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Industri Asal 2000-2005.	6
Jadual 1.4	Guna Tenaga mengikut Sektor dan Kumpulan Etnik 2000 dan 2003, (,000).	7
Jadual 1.5	Pemilikan Bangunan/Premis Komersial mengikut kumpulan Etnik, 2002.	8
Jadual 1.6	Saiz Penduduk Mengikut Etnik, 2000-2005 (juta orang).	8
Jadual 1.7	Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun Mengikut Negeri,Jantina dan kumpulan Etnik Semenanjung Malaysia, 2003	9
Jadual 1.8	Purata Pendapatan Kasar Bulanan Isirumah mengikut Etnik 1997-2002	10
Jadual 2.1	Ringkasan Kajian-kajian yang lalu.(Nilai sebagai pembolehubah tidak bersandar)	42
Jadual 2.2	Makna nilai Rokeach dan Dao Zhu Gong yang disatukan	52
Jadual 3.1	Senarai Kilang (Jenis pembuatan) sebagai sampel	69
Jadual 3.2	Ciri-ciri Industri Kecil dan Sederhana mengikut Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri	70
Jadual 3.3	Senarai Responden di kalangan Perniagaan Industri Perkilangan Di Kedah dan Perlis berdasarkan tempat,bilangan dan jenis Perniagaan.	71
Jadual 3.4	Pengukuran Kejayaan	78
Jadual 4.1	Maklum balas soal selidik	81
Jadual 4.2	Profil Responden	83
Jadual 4.3	Peratus Keuntungan (1999-2000).	83

Jadual 4.4	Hasil Ujian Kebolehpercayaan bagi Ujian 'Pilot' ke atas 60 Orang peniaga.	85
Jadual 4.5	Keputusan Analisis Faktor bagi ujian 'pilot'	87
Jadual 4.6	Hasil Ujian Kebolehpercayaan ke atas 116 orang peniaga Cina	89
Jadual 4.7	Keputusan Analisis Faktor Ke atas 116 orang peniaga	91
Jadual 4.8	Ringkasan Analisis Regresi	94
Jadual 4.9 a	Hasil Ujian T-Test antara Umur dan Nilai Mengurus diri.	96
Jadual 4.9 b	Hasil Ujian T-Test antara Umur dan Nilai Menjaga Maruah	96
Jadual 4.9 c	Hasil Ujian T-Test antara Umur dan Nilai Berpandangan jauh	96
Jadual 4.9 d	Hasil Ujian T-Test antara Umur dan Nilai Mahir	97
Jadual 4.9 e	Hasil Ujian T-Test antara Umur dan Nilai Periang.	97
Jadual 4.9f	Hasil Ujian 'T-Test' antara nilai Mengurus diri dan tahap pendidikan.	99
Jadual 4.9g	Hasil Ujian 'T-Test' antara nilai Menjaga Maruah dan tahap pendidikan	99
Jadual 4.9h	Hasil Ujian 'T-Test' antara nilai Berpandang jauh dan tahap pendidikan	99
Jadual 4.9i	Hasil Ujian 'T-Test' antara nilai Mahir dan tahap pendidikan	99
Jadual 4.9j	Hasil Ujian 'T-Test' antara nilai Periang dan tahap pendidikan	100
Jadual 4.9k	Hasil Ujian 'T-Test' antara Nilai Mengurus diri dan Jantina	101
Jadual 4.9l	Hasil Ujian 'T-Test' antara Nilai Menjaga Maruah dan Jantina	101
Jadual 4.9m	Hasil Ujian 'T-Test' antara Nilai Berpandangan jauh dan Jantina	101
Jadual 4.9n	Hasil Ujian 'T-Test' antara Nilai Mahir dan Jantina	102
Jadual 4.9o	Hasil Ujian 'T-Test' antara Nilai Periang dan Jantina	102
Jadual 4.10	Ringkasan Ujian Hipotesis yang dijalankan	102

SENARAI RAJAH

	<u>Muka surat</u>
Rajah 2.1 Mengenal pasti nilai	31
Rajah 2.2 Rangka kerja teori kesan nilai	32
Rajah 2.3 Pembentukan rangka kerja teori	53
Rajah 2.4 Pembentukan rangka kerja teori faktor luaran.	54
Rajah 2.5 Rangka kerja teori	60

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN A		<u>Muka surat</u>
1.Lampiran A1	Senarai sampel peniaga di Perlis (Pilot)	128
2 Lampiran A2	Soal Selidik	129
 Hasil Penemuan SPSS		
1. Lampiran A3	Profil Responden	139
2 Lampiran A4	Hasil Ujian Kebolehpercayaan (Ujian Pilot)	147
3 Lampiran A5	Hasil Ujian Kebolehpercayaan (Kajian Sebenar)	152
4 Lampiran A6	Hasil Analisis faktor kajian 'Pilot'	157
5 Lampiran A7	Hasil Analisis faktor kajian sebenar	168
6 Lampiran A8	Hasil Ujian regresi nilai dan kejayaan	179
7 Lampiran A9	Hasil Ujian 'T-Test' Nilai dengan Pendidikan Peniaga	185
8 Lampiran A10	Hasil Ujian 'T-Test' Nilai dengan Umur Peniaga	188
9 Lampiran A11	Hasil Ujian 'T-Test' Nilai dengan Jantina	191

**HUBUNGAN NILAI TERHADAP KEJAYAAN PERNIAGAAN.
SATU KAJIAN PERUSAHAAN KECIL SEDERHANA KAUM CINA DI
WILAYAH UTARA, SEMENANJUNG MALAYSIA.**

ABSTRAK

Kegagalan Dasar Ekonomi Baru untuk menjadikan kaum Bumiputera, usahawan yang berjaya masih menjadi tanda tanya. Apakah sebenarnya yang boleh membantu mereka. Peluang, bantuan kewangan dan tunjuk ajar pengurusan oleh kerajaan tidak menjanjikan kejayaan. Sebaliknya kaum Cina lebih berjaya walaupun tanpa sebarang bantuan secara langsung daripada kerajaan dalam apa jua bentuk.

Kajian ini dilakukan ialah untuk melihat kaitan antara persoalan nilai dengan kejayaan Perusahaan Kecil Sederhana Kaum Cina di utara Semenanjung Malaysia. Mungkinkah pegangan nilai mereka yang membantu mereka untuk berjaya.

Jabatan Pendaftaran Perniagaan telah menyenaraikan seramai 500 orang peniaga dari Perlis dan Kedah sebagai rangka persampelan. Dari 500 Perusahaan Kecil Sederhana kaum Cina, 200 telah dipilih secara 'Convenience sampling' menjadi sampel kajian. Tetapi hanya seramai 116 orang responden dapat ditemui dan menjawab soal selidik. Baki 84 sampel kajian tidak dapat ditemui di premis mereka. Data telah dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik dengan bantuan pembantu penyelidik. Nilai telah dihipotesiskan sebagai pemangkin kejayaan.

Penemuan kajian ini menunjukkan bahawa ada kaitan di antara nilai dan kejayaan perniagaan kaum Cina. Nilai tersebut ialah nilai mahir. Dari segi jantina peniaga kaum Cina mempamerkan keputusan pegangan nilai yang berbeza antara peniaga lelaki dengan peniaga wanita. Peniaga Cina lelaki memiliki nilai mengurus diri untuk berjaya dalam perniagaan. Namun begitu peniaga Cina wanita tidak menunjukkan apa-apa pegangan nilai yang khusus untuk berjaya dalam perniagaan. Dari segi umur, peniaga kaum Cina menunjukkan hubungan yang signifikan dengan nilai. Peniaga yang berumur kurang dari 40 tahun adalah lebih periang dan pandai mengurus diri untuk berjaya dalam perniagaan. Peniaga lepasan sekolah didapati lebih periang dari peniaga yang berkelulusan universiti. Sifat periang itu telah menjadikan mereka lebih berjaya dalam perniagaan mereka. Sebaliknya peniaga yang berkelulusan universiti memegang nilai mengurus diri sebagai nilai utama untuk berjaya dalam perniagaan.

**INFLUENCE OF VALUES ON BUSINESS SUCCESS.
A STUDY OF SMALL AND MEDIUM CHINESE ENTERPRISES
IN NORTHERN MALAYSIA.**

ABSTRACT

The failure of the New Economic Policy to create successful Bumiputera entrepreneurs is not a new phenomenon. What it takes to make them successful is still unanswered. Opportunities, financial and infrastructure support, training and guidance given by the government do not deliver the desired objectives. On the other hand, the Chinese entrepreneurs despite lagging in all form of government assistance were much more successful. Could other matters assist them in their venture?. Does value play a role ?

It would be interesting to speculate the relationship between aspects of value and the success of Small Chinese Entrepreneurs in northern part of peninsular Malaysia. What are the values held by them ?.

The Department of the Registrar of business listed 500 Small Medium Business Entities which are Chinese owned in the state of Kedah and Perlis. Using this as the sampling frame, 200 were chosen using convenience sampling, But out of these 200 only 116 respondents were able to be interviewed. The remaining 84 were not able to be reached as they were not at their premises. Questionnaires were used for this purpose, with the researcher went to the ground where possible if not research assistance were employed.

Values were hypothesized as the having relationship with success of business ventures. Findings indicated and confirmed this proposition. Competent is the most important value. But gender exhibit differences in value held. Males postulate self-management value as core value of success. On the other hand female entrepreneurs does not show any specific values hold. However age shows a significant impact of business success. Businessman which are below 40 years old held cheerful and self-management values. Education does play a role. Business persons with tertiary education were more cheerful than those with university education. Their cheerfulness makes them more successful. On other hand those coming out of the university held self-management as their core value.

Bab 1

PENGENALAN

1.1 KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN

Dari sudut mikro, keusahawanan ialah proses pewujudan dan pengembangan perniagaan. Sekalipun merangkumi fungsi pengurusan, keusahawanan berbeza dengan pengurusan. Peranan keusahawanan ialah mengumpul dan menggunakan sumber tetapi sumber yang dikumpul mestilah dijuruskan kepada peluang bukannya masalah. Menurut Drucker (1985), keunikan usahawan ialah mereka boleh melihat peluang dan berupaya memanfaatkannya. Adnan (1997) menjelaskan bahawa semangat keusahawanan di Malaysia telah menunjukkan satu perkembangan yang menggalakkan, iaitu pembentukan satu budaya keusahawanan. Budaya keusahawanan ini akan mensosialisasikan ahli masyarakat untuk bersifat keusahawanan. Masyarakat mula dididik menjadi usahawan dari asas hinggalah ke peringkat yang mencabar seperti mencari pasaran atau mencari sumber-sumber kewangan. Kerajaan sendiri menggunakan amalan keusahawanan untuk mengatasi beberapa masalah ketidak seimbangan ekonomi yang berlaku di dalam negara, misalnya melalui dasar negara seperti Dasar Ekonomi Baru (1971-1990).

Perniagaan dalam kajian ini adalah bermaksud perniagaan yang dijalankan oleh Industri Kecil dan Sederhana (IKS). Faoziah (2001) menyatakan IKS bermaksud perniagaan yang formal dan yang terlibat di dalam semua sektor perniagaan seperti perkilangan, pembuatan, pemprosesan, peruncitan, pemborongan, peladangan dan pertanian. Sektor IKS adalah di antara sektor ekonomi yang paling penting di

Malaysia. Perkembangan industri ini adalah sesuatu yang menakjubkan kerana ia memainkan peranan penting dalam menyediakan pekerjaan, pergabungan serta pergantungan antara industri dan pembaharuan keluaran. Ia juga mengekalkan pertalian erat di antara pengusaha dengan masyarakat, meneruskan persaingan di kalangan syarikat besar serta membekalkan pengalaman perniagaan kepada pekerja yang mungkin akan membuka perniagaan baru pada masa akan datang.

1.2 KEUSAHAWANAN DI MALAYSIA

Dalam bahagian ini perbincangan tentang keusahawanan di Malaysia diteruskan dengan membincangkan keadaan perniagaan kaum Cina di Malaysia. Walaupun kajian ini tidak membuat perbandingan antara kaum Cina dengan Bumiputera tetapi apa yang penting ialah sikap kedua-dua kaum ini yang amat berbeza. Prestasi perniagaan Bumiputera dinyatakan hanyalah sebagai satu perbandingan sahaja di samping melihat apakah yang dilakukan oleh kaum Cina dan pegangan yang mereka ada. Ia juga menunjukkan bagaimana kaum Cina yang tidak dibantu oleh kerajaan seperti yang diperolehi oleh kaum Bumiputera boleh berjaya dalam perniagaan mereka. Persoalan yang ingin dikemukakan di sini ialah apakah perkara lain yang mendorong kaum Cina untuk berjaya walaupun tanpa bantuan yang diberikan kepada mereka. Andaian yang paling kuat untuk menjawab persoalan ini ialah kemungkinan disebabkan oleh nilai pegangan kaum Cina itu sendiri. Nilai-nilai yang dipegang oleh mereka mungkin menjadi panduan hidup semasa menjalankan aktiviti perniagaan mereka. Dengan andaian ini juga satu kajian perlu dilakukan kepada

kaum Cina khasnya nilai-nilai apakah yang dipegang oleh kaum Cina dalam aktiviti perniagaan mereka.

Malaysia mempunyai masyarakat yang majmuk, dan negara menghadapi masalah ketidak seimbangan pendapatan antara kaum. Penguasaan kaum Cina dalam perniagaan jauh lebih baik dari kaum-kaum yang lain khususnya kaum Bumiputera. Dasar Ekonomi Baru (1971-1990) yang dicipta untuk mengatasi masalah ketidakseimbangan ekonomi ini dengan bermatlamat utama untuk merapatkan jurang ekonomi antara kaum dan membasmi kemiskinan tanpa mengira kaum. (Anuar Ali dan Rajah Rasiah, 1996).

Abdul Aziz (2001), berpendapat kedudukan ekonomi Bumiputera adalah jauh lebih rendah dari kaum Cina merupakan satu bukti yang jelas penguasaan kaum Cina dalam perniagaan di Malaysia. Dasar Ekonomi Baru (DEB), yang dilaksanakan oleh kerajaan dalam tahun 1971, telah membuka banyak peluang perniagaan kepada Bumiputera. Bagaimanapun Chamhuri Siwar (1985) menyatakan bahawa pemilikan modal Bumiputera telah menunjukkan aliran yang terus meningkat selepas terlancarnya Dasar Ekonomi Baru. Contohnya dalam tahun 1970 (milikannya cuma 2.4%), 1975 (9.2%) dan pada tahun 1983 (18.7%). Namun demikian menurut Chamhuri Siwar (1985), peningkatan ini tidak mencerminkan peningkatan individu Bumiputera kerana ia dibantu oleh badan-badan atau agensi-agensi amanah dan kepentingan Bumiputera. Sudah 34 tahun berlalu selepas DEB dilaksanakan, Bumiputera masih ketinggalan sepertimana dapat dilihat dalam statistik di bawah.

dalam jadual 1.1. Walaupun kaum Bumiputera disokong oleh kerajaan dari pelbagai aspek seperti kewangan, latihan dan infrastruktur, namun mereka masih juga belum berjaya.

Jadual 1.1: Hak Milik Modal Saham (Pada Nilai Tara) Syarikat Berhad mengikut Kumpulan Etnik dan Sektor, 2002.(dalam %).

Kumpulan Hak Milik	Pembuatan	Pembinaan	Perdagangan Borong dan Runcit	Kewangan
Bumiputera	10.5	24.5	13.8	20.7
Bukan Bumiputera	35.8	50.6	46.6	42.5
Cina	34.2	49.2	44.2	39.1
India	0.9	1.1	1.7	1.9
Lain-lain	0.7	0.3	0.7	1.5
Rakyat Asing	45.7	13.8	34.3	27.1
Syarikat Nomini	8.1	11.1	5.3	9.7
Jumlah	100%	100%	100%	100%

Sumber: Adaptasi dari Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005.

Dalam jadual 1.1 di atas didapati hak milik modal saham syarikat Berhad pada tahun 2002, dalam sektor pembuatan didapati kaum Cina menguasai 34.2% berbanding 10.5% bagi Bumiputera. Dalam sektor pembinaan pula kaum Cina telah menguasai 49.2% berbanding kaum Bumiputera hanya 24.5%. Manakala sektor perdagangan borong dan runcit, kaum Cina menguasai 44.2% berbanding kaum Bumiputera hanya 13.8% sahaja. Dalam sektor kewangan penguasaan kaum Cina dalam kewangan ialah 39.1% melebihi kaum Bumiputera yang menguasai hanya 20.7%. Berdasarkan data dalam jadual 1.1 tersebut, penguasaan kaum Cina dari segi hak milik modal saham mengikut sektor dan etnik dengan jelas melebihi kaum lain khususnya kaum Bumiputera yang melebihi hampir dua kali ganda. Dalam jadual 1.2 pula menunjukkan penguasaan kaum Cina dari segi pemilikan modal saham secara

keseluruhan, yang jauh lebih besar daripada kaum-kaum lain di Malaysia. Pada tahun 2000 milik modal saham kaum Cina adalah sebanyak RM 129,318.3 juta berbanding kaum Bumiputera hanya 62,976 juta. Manakala tahun 2002 didapati penguasaan kaum Cina semakin banyak iaitu RM159,806.9 juta berbanding kaum Bumiputera hanya RM73,161.8 juta. Data ini telah menunjukkan penguasaan kaum Cina dalam pemilikan modal saham tersebut.

Jadual 1.2: Hak Milik Modal Saham (Nilai Tara) Syarikat Berhad,2000 dan 2002
(RM Juta)

Kumpulan Hak Milik	2000	%	2002	%	Kadar Pertumbuhan Tahunan Purata (%) 2001-2002
Bumiputera	62,976.0	18.9	73,161.8	18.7	7.8
Institusi-institusi	9,830.0	3.0	11,633.6	3.0	8.8
Agensi Amanah	5,802.4	1.7	6,415.8	1.6	5.2
Individu	47,343.6	14.2	55,112.4	14.1	7.9
<i>Bukan Bumiputera</i>	137,412.8	41.3	168,962.7	43.2	10.9
Cina	129,318.3	38.9	159,806.9	40.9	11.2
India	5,136.8	1.5	5,951.1	1.5	7.6
Lain-lain	2,957.7	0.9	3,204.7	0.8	4.1
Rakyat Asing	103,909.4	31.3	112,727.6	28.9	4.2
Syarikat Nomini	28,119.4	8.5	35,969.5	9.2	13.1
Jumlah	332,417.6	100	390,821.6	100	8.4

Sumber: Adaptasi dari Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005.

Dalam jadual 1.3 pula didapati peningkatan keluaran dalam negeri kasar mengikut sektor dari tahun 2000 hingga ke tahun 2005. Didapati sektor pembuatan memberikan sumbangan yang tertinggi . Ini menunjukkan kepentingan sektor ini

dalam kajian ini. Begitu juga dalam sektor perniagaan borong dan runcit, hotel dan restoran telah menunjukkan jumlah keluaran yang agak tinggi.

Jadual 1.3: Keluaran Dalam Negeri Kasar Mengikut Industri Asal, 2000-2005.

(RM juta)

Sektor	2000	%	2003	%	2005	%
Pertanian, Perhutanan, Ternakan dan Perikanan	18,062	8.6	18,869	8.2	19,901	7.7
Perlombongan & Kuari	15,385	7.3	16,545	7.2	17,775	6.9
Pembuatan	67,250	32.0	70,225	30.6	81,651	31.7
Pembinaan	6,964	3.3	7,461	3.3	7,891	3.1
Elektrik, Gas dan Air	8,278	3.9	9,398	4.1	10,958	4.3
Pengangkutan, Penyimpanan dan Komunikasi	16,858	8.0	19,398	8.5	22,320	8.7
Perniagaan Borong & Runcit, Hotel dan Restoran	31,116	14.8	33,445	14.6	37,153	14.4

Sumber: Adaptasi dari Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005.

Merujuk jadual 1.4 di bawah, gunatenaga kaum Cina dalam sektor pembinaan dan perniagaan borong dan runcit jauh lebih besar dari kaum Bumiputera sejak tahun 2000 hinggalah ke tahun 2003. Bumiputera hanya mempunyai bilangan gunatenaga yang lebih dari kaum Cina dalam sektor pembuatan dan sektor kewangan, insuran, hartanah dan perniagaan. Data ini menunjukkan penguasaan kaum Cina dari segi gunatenaganya (sumber tenaga manusia) adalah seimbang berbanding kaum Bumiputera. Persoalannya mengapakah bilangan gunatenaga yang agak seimbang antara kaum Cina dengan kaum Bumiputera masih menghasilkan perbezaan dari segi prestasi pemilikan saham dan kejayaan dalam perniagaan.

Jadual 1.4: Guna tenaga mengikut Sektor dan kumpulan Etnik. 2000 dan 2003.
(‘000)

Sektor	2000			2003		
	Bumi putera	Cina	India	Bumi putera	Cina	India
Pembuatan	1256.4	769.9	291.1	1346.0	805.1	306.2
Pembinaan	286.1	290.6	35.8	260.2	270.9	31.9
Perdagangan Borong & Runcit, Hotel, Restoran.	607.4	771.7	105.6	669.1	848.3	116.9
Perkhidmatan Kewangan, Insuran, Hartanah & Perniagaan	230.5	209.5	50.5	286.3	260.7	62.7

Sumber: Adaptasi dari Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005.

Menurut Khairuddin dan Syed Azizi Wafa (2002) antara faktor kegagalan industri-industri kecil dan sederhana di Malaysia ialah modal yang kecil dan kekurangan kemudahan pinjaman, kekurangan kemahiran, kekurangan bahan mentah, kekurangan dari aspek infrastruktur yang diperlukan, kekurangan tenaga mahir dari segi teknikal dan pengurusan, halangan dalam aspek pemasaran dan pengetahuan serta amalan terhad terhadap teknologi baru. Jika dibandingkan dengan Bumiputera, kaum Cina telah menguasai perdagangan borong dan runcit sejak dulu lagi.

Berdasarkan jadual 1.5 pula, menunjukkan penguasaan kaum Cina berbanding kaum lain dari segi pemilikan bangunan/premis komersil. Jika dibandingkan dengan Bumiputera perbezaannya amat ketara. Secara keseluruhan penguasaan kaum Cina memiliki premis komersil adalah 55.8% berbanding kaum Bumiputera hanya 8.2%.

Jadual 1.5: Pemilikan Bangunan/ Premis Komersil mengikut kumpulan Etnik, 2002.

Jenis Bangunan/Premis	Bumiputera		Cina		India	
	Unit	%	Unit	%	Unit	%
Bangunan						
<i>Setingkat</i>	8,564	18.3	29,384	62.6	1,821	3.9
<i>Dua Tingkat</i>	8,631	9.2	62,122	66.2	3,559	3.8
<i>Tiga Tingkat</i>	2,306	6.1	21,271	56.5	1,061	2.8
<i>Lebih dari Tiga Tingkat</i>	3,025	6.9	21,964	50.4	1,390	3.2
Kompleks Perniagaan	1,449	5.6	11,060	42.6	659	2.5
Premis Perindustrian	1,651	2.6	28,495	44.8	485	0.8
Hotel	131	7.0	720	38.3	29	1.5
Jumlah	25,757	8.2	175,016	55.8	9,004	2.9

Sumber: Adaptasi dari Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005.

Dalam jadual 1.6 pula menunjukkan bahawa saiz penduduk kaum Bumiputera jauh lebih besar daripada kaum Cina. Namun begitu kaum Cina dikatakan jauh lebih berjaya dalam perniagaan mereka.

Jadual 1.6: Saiz Penduduk Mengikut Etnik 2000-2005 (juta Orang)

Tahun	2000	%	2003	%	2005	%
Jumlah Penduduk	23.49		25.08		26.16	
Warganegara	22.08	100	23.42	100.0	24.36	100.0
Bumiputera	14.35	65.0	15.35	65.5	16.06	65.9
Cina	5.76	26.1	6.00	25.6	6.15	25.2
India	1.68	7.6	1.76	7.5	1.82	7.5
Lain-Lain	0.29	1.3	0.31	1.4	0.33	1.4
Bukan Warganegara	1.41		1.66		1.80	

Sumber: Adaptasi dari Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kelapan 2001-2005

Dalam jadual 1.7 didapati dari segi jantina penduduk lelaki kaum Cina di Perlis cuma 11200 orang dan penduduk wanita kaum Cina cuma seramai 10500. Begitu juga negeri Kedah, yang mempunyai penduduk lelaki Cina seramai 129 100 orang dan penduduk wanita kaum Cina di Kedah pula seramai 123 900. Jumlah

penduduk dari kedua-dua negeri yang terlibat dalam kajian ini adalah kecil bilangannya jika dibandingkan dengan penduduk kaum Cina lelaki dan wanita kaum Cina yang menetap di bandar besar seperti Kuala Lumpur dan negeri Selangor. Kekurangan penduduk kaum Cina ini akan memberi kesan juga kepada keputusan kajian ini. Namun begitu kaum Bumiputera telah menunjukkan jumlah yang lebih besar untuk bandingan di Perlis dan Kedah. Walaupun kaum Cina sedikit secara bandingan tetapi mereka menguasai perniagaan dengan lebih baik dari semua kaum di Malaysia.

Jadual 1.7: Anggaran Penduduk Pertengahan Tahun Mengikut Negeri, Jantina Dan Kumpulan Etnik Semenanjung Malaysia, 2003.

Negeri	Jantina ('000)							
	Lelaki				Wanita			
	Cina	Bumi putera	India	Lain -lain	Cina	Bumi putera	India	Lain -lain.
Kuala Lumpur	306.9	311.7	78.9	8.7	296.0	302.7	76.9	10.1
Selangor	662.2	1187.0	309.2	22.3	623.7	1138.8	305.5	25.0
Perlis	11.2	89.8	1.4	3.2	10.5	93.5	1.4	3.1
Kedah	129.1	664.9	60.2	13.6	123.9	674.6	62.7	13.9

Sumber: Adaptasi dari Bank Data Negeri/Daerah, Malaysia 2003. Jabatan Perangkaan Malaysia, 2003.

Moha Asri (1997) telah memberi gambaran yang jelas tentang fenomena ini sepertimana dalam petikannya yang berbunyi.:

‘Walaupun bilangan pengusaha dan usahawan Bumiputera dikatakan semakin meningkat di bawah DEB, namun bilangan dan peratus mereka yang terlibat masih ketinggalan terutama jika dibandingkan dengan kaum Cina’

Secara umum purata pendapatan kasar bulanan isirumah kaum Cina melebihi kaum Bumiputera dapat dilihat dengan jelas dalam jadual 1.8 di bawah. Kadar pertumbuhan bagi kaum Bumiputera pada tahun 2002 ialah RM 2376 dan RM 4279 bagi kaum Cina. Purata pendapatan kaum Cina melebihi purata penduduk di bandar hampir dua kali ganda. Begitu juga sejak tahun 1997 lagi kaum Bumiputera tidak dapat menandingi kaum Cina iaitu kaum Bumiputera cuma mendapat RM 2038 pada tahun 1997 dan RM 1984 pada tahun 1999. Kaum Cina pula mendapat pendapatan purata RM 3737 pada tahun 1997 dan RM 3456 pada tahun 1999. Jelas sekali kaum Cina telah menguasai kaum lain dan mengetuai kaum-kaum lain dari segi pendapatan purata sebulan.

Jadual 1.8: Purata Pendapatan Kasar Bulanan Isi rumah Mengikut Etnik 1997-2002.

Kumpulan Etnik	Purata Pendapatan Kasar Bulanan Isirumah.		
	(RM)		
	1997	1999	2002
<i>MALAYSIA</i>			
<i>Bumiputera</i>	2038	1984	2376
<i>Cina</i>	3737	3456	4279
<i>Bandar</i>	3357	3103	3652
<i>Luar bandar</i>	1704	1718	1729

Sumber: Adaptasi dari Buku Tahunan Perangkaan Malaysia 2004. Jabatan Perangkaan Malaysia, 2004

1.3 PENSEJARAHAN KAUM CINA

Asma (2003) mengatakan bahawa kumpulan etnik yang paling dominan di Malaysia ialah kaum Cina. Bilangan kaum Cina adalah berjumlah 6 juta orang. (25% dari jumlah keseluruhan penduduk di Malaysia). Kaum Cina di Malaysia ini, adalah berasal dari penduduk luar negeri yang telah berhijrah secara beramai-ramai ke

Malaya pada abad ke-19. Mereka berhijrah ke sini kerana faktor-faktor penolak di tempat tinggal asal mereka seperti kesesakan penduduk, malapetaka alam dan sebagainya.

Menurut Asma lagi (2003) kaum Cina yang terawal di Malaysia boleh dikenalpasti sejak zaman kesultanan Melaka di abad ke-15 yang dikenali sebagai Baba dan Nyonya. Golongan ini akan berbahasa Melayu dengan fasih dengan mengekalkan nilai-nilai kecinaan yang mereka miliki. Mereka tetap memegang adat, dialek dan amalan sosial harian mereka.

Abdul Rahman (2001) menyatakan salah satu kekuatan yang diwarisi oleh kaum Cina ialah tradisi perkampungan tetap. Tradisi ini telah digerakkan oleh sistem ekonomi tani mereka yang menjadi satu amalan kepada kaum Cina. Amalan ini telah menjadi nadi kepada semangat kekitaan yang seterusnya memancarkan kelaziman hidup berkampung, bernegeri dan bernegara. Sebagai satu keluarga besar yang dikawal oleh peraturan kemasyarakatan yang telah dipersetujui bersama, budaya Cina menjadi kukuh dan mampu menangani cabaran dari masyarakat sekitar. Kecenderungan kearah kesatuan dan kekitaan ini dirangsangkan lagi oleh sikap dan pemikiran politik yang mengutamakan kesatuan kepimpinan.

Abdul Aziz (2001) memperkatakan bahawa kaum Bumiputera khasnya orang Melayu mengambil agama, sebagai satu keutamaan tetapi kaum Cina di Malaysia mengaitkan identiti mereka dengan penekanan penggunaan bahasa dan pemeliharaan

kebudayaan Cina. Dalam soal ini, orang Cina sanggup berkorban harta dan wang ringgit mereka untuk memajukan bahasa, nilai dan kebudayaan mereka. Mereka juga sedar bahawa kedatangan mereka ke Malaysia bukanlah sebagai Bumiputera, oleh itu mereka perlu bekerja untuk menjamin masa depan mereka dan anak cucu mereka. Kemungkinan atas alasan ini juga kaum Cina sentiasa berjimat dan bekerja keras. Kaum Cina mendidik keluarga mereka supaya sentiasa mahu belajar daripada seseorang yang lebih tua atau lebih berpengalaman. Mencontohi seseorang yang telah berjaya adalah satu amalan yang sering diberi penekanan oleh golongan tua kepada generasi yang lebih muda.

1.4 HUBUNGAN NILAI DENGAN KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN

Aktiviti-aktiviti keusahawanan dan perniagaan yang dijalankan sama ada berkesan atau tidak adalah bergantung kepada nilai peribadi yang dimiliki oleh setiap usahawan yang terlibat. Berdasarkan kajian oleh Moha Asri (1997) mendapati bahawa kejayaan industri kecil dan sederhana dalam sesuatu perniagaan yang hendak dijalankan adalah bergantung kepada beberapa faktor utama. Antaranya termasuklah ciri-ciri peribadi usahawan atau nilai usahawan itu sendiri, aspek pengurusan dalam industri kecil, pengalaman dan pendidikan usahawan serta hubung jalin dengan firma atau syarikat besar. Nilai peribadi yang seharusnya ada pada usahawan yang ingin berjaya dalam perniagaannya ialah tekun, bekerja keras, meyakini kebolehan sendiri, boleh menerima risiko, kreatif dan menyedari pentingnya sentiasa berusaha secara berterusan. Asma (1995) memberikan gambaran bahawa nilai merupakan satu rangka kerja keutamaan di mana seseorang itu menilai pemikiran, tindakan,

perasaan dan mengenalpasti tindakan yang perlu dilakukan pada masa hadapan. Nilai akan dijadikan panduan kehidupan sama ada di tempat kerja ataupun di mana-mana tempat juga. Ini bermakna nilai seseorang ada kaitan dengan tindakan mereka dalam menjalankan sesuatu kerja termasuklah perniagaan. England (1975) menegaskan nilai individu itu akan mempengaruhi pihak pengurusan apabila mereka membuat sesuatu keputusan nanti.

Menurut Abdul Aziz (2001) pula, kemasukan kaum Cina dan India secara besar-besaran bertujuan menampung keperluan tenaga kerja di lombong dan di ladang yang berkehendakkan buruh murah yang cekap, kemudiannya menjadi sebahagian daripada penduduk yang sangat penting di negara ini. Yang jelasnya, kaum Cina sangat kuat berpegang pada nilai sosial mereka seperti mematuhi perintah orang tua, merendah diri, berjimat dan sebagainya. Berbeza dengan kaum Bumiputera, kaum Cina ternyata agak ke hadapan dari segi penguasaan dalam bidang perniagaan.

Seperti kata Abdul Aziz (2001), sebagai bandingan dengan kaum lain, contohnya kaum Bumiputera di Malaysia. Bagi segolongan kecil daripada mereka, ada tanda yang menunjukkan bahawa nilai kepercayaan kuno merupakan masalah yang menjadi penghalang kepada usaha untuk melancarkan projek, seperti pengairan penanaman padi dua kali setahun, teknik moden, dan sebagainya. Walaupun ada penerimaan, perubahan nilai itu terjadi dengan kadar yang amat perlahan. Padahal nilai Islam yang sebenar mendorong kemajuan diri dan masyarakat bagi kebahagiaan rohani dan jasmani. Kepercayaan kuno banyak mengikat dan menyekat rasional

ekonomi Bumiputera, termasuk kepercayaan salah tentang agama dan adat istiadat yang merugikan Bumiputera itu sendiri.

Dalam kajian Jean Lee (1999) memberikan penemuan bahawa nilai individu dan kepercayaan kaum Cina mempunyai kaitan yang rapat dengan tindakan mereka, contohnya kesediaan mereka melibatkan diri dalam rancangan-rancangan pembangunan ekonomi negara. Kajian ini akan cuba mencari jawapan kepada persoalan nilai apakah yang dimiliki oleh kaum Cina dalam amalan perniagaan mereka, sehingga mereka lebih berjaya dari kaum yang lain.

1.5 NILAI KAUM CINA

Nilai usahawan kaum Cina telah menjadi perkara utama untuk dibincangkan. Mungkinkah nilai yang dipegang oleh mereka yang menyebabkan kejayaan mereka dalam perniagaan. Kejayaan mereka menguasai perniagaan di Malaysia sudahpun diketahui dan diterima umum. Menurut Asma (2003) kaum Cina di Malaysia diketahui umum telah memegang satu set nilai yang jelas tetapi signifikan dan makna nilai-nilai tersebut mungkin akan berbeza dengan kaum lain di Malaysia. Nilai-nilai itu juga telah menghasilkan perwatakan mereka sebagai kaum yang terlibat dengan aktiviti-aktiviti komersial. Mereka akan memberi ucapan selamat sesama mereka menjelang Tahun Baru Cina dengan ucapan 'Gong Xi Fatt Chai' bermakna berharap memperolehi kemewahan. Antara nilai yang mereka amalkan ialah ketekunan, responsif terhadap peluang-peluang ekonomi, mahukan perubahan pendidikan, menerima risiko dan sebagainya. Menurut Asma (2003) lagi kaum Cina

telah memegang sesuatu nilai yang telah terbukti dari segi keberkesannya. Mereka mengamalkan nilai keamanan dan harmoni untuk tujuan mencapai kejayaan dan kemewahan. Mereka benci kepada konflik dan dianggap sesuatu yang menyakitkan dan tidak diperlukan dalam kehidupan. Kaum Cina suka bertolak-ansur dan menerima perbezaan-perbezaan yang terdapat dalam kehidupan mereka serta menghargai peluang yang diberikan untuk tinggal di sesuatu negara seperti Malaysia. Bagi peniaga Cina pula, membina perhubungan sesama mereka (Kam Ching) adalah sangat penting kepada satu sistem kekeluargaan yang rapat. Mereka akan berjumpa, bertukar-tukar pendapat, berkongsi maklumat dan menyelesaikan masalah yang berbangkit. Jika masalah tersebut tidak dapat diselesaikan, ia akan dibincangkan di peringkat yang lebih berkuasa.

Menurut Shaharom (2000) Robert Kuok atau dikenali sebagai 'Raja Gula Asia Tenggara' pernah berkata sejak kecil mereka diajar tentang integriti perniagaan, menjaga kehormatan, katamu adalah janji, merendah diri dan jangan memburukkan rakan kita. Pegangan ini merupakan ajaran daripada Konfucius yang merupakan guru kepada mereka. Tidak banyak literatur yang menulis tentang Boon Siew secara jelas, tetapi diketahui ia telah berjaya memasarkan keluaran motorsikal jenamanya walaupun ia tidak tahu menulis dan membaca. Ia memasarkan keluarannya melalui Boon Siew Sdn. Bhd. Menurut Gomez (1999) Loh Boon Siew dilaporkan sebagai ahli perniagaan yang kedua terkaya di Malaysia. Aset korporatnya bernilai RM1.8 billion. Beliau datang ke Malaysia bersama-sama bapanya ketika berusia 12 tahun. Bila berumur 18 tahun ia membuka sebuah kedai memperbaiki kenderaan. Dengan

memiliki 11 buah bas yang dikenali sebagai Penang Yellow Bus Company Sdn.Bhd, bilangan basnya menjadi 41 buah selepas tiga tahun Kemudian Loh Boon Siew terus berkembang dengan membuka perniagaan menjual kereta dan peralatan kereta. Tahun 1958, ketika ia melawat Jepun Loh Boon Siew mengambil kesempatan menubuhkan syarikat keluarganya dan menjadi pengedar motorsikal keluaran Jepun dengan syarikat Honda. Syarikat itulah dinamakan Boon Siew Sdn Bhd yang akhirnya bernaung dibawah Oriental Holding Bhd. Begitulah semangat yang ditunjukkan olehnya bila mencebur diri dalam perniagaan. Nilai keusahawanannya yang diamalkan oleh Loh Boon Siew adalah salah satu contoh dari beribu-ribu kaum Cina yang ada di Malaysia..

Menurut Naisbitt (1997) kaum Cina sering dikatakan berjaya kerana mengamalkan jaringan perniagaan di Malaysia dan Asia Tenggara. Menurut Lee Kuan Yew, Menteri Kanan Singapura dalam Naisbitt (1997) :

‘...adalah satu kesilapan jika usahawan Singapura tidak mengambil bahagian dalam salah satu perubahan besar masa kini. Dan adalah tidak bijak seandainya kita tidak menggunakan jaringan kerja etnik Cina untuk mencapai dan memperolehi matlamat kita’.

Dalam kajian oleh Gomez (1999) bertajuk perkembangan perniagaan kaum Cina di Malaysia menyenaraikan beberapa ciri industri kaum Cina iaitu bersifat keusahawanan, bernaung atau dilindungi serta memperkembangkan firma mereka. Disebabkan kurangnya sokongan kerajaan kepada mereka berbanding kaum Bumiputera mereka akan dilatih dengan nilai berdikari dan nilai tahan bila diuji.

Mereka amat mementingkan nilai rangkaian, sama ada antara peniaga Cina dengan ahli politik Bumiputera yang berkuasa, antara peniaga Cina dengan sesiapa saja peniaga yang berjaya atau dengan pemodal dari luar negeri.

Menurut Gomez (1999) kejayaan perniagaan kaum Cina adalah disebabkan oleh pengalaman yang ada pada diri mereka sebelum memulakan sesuatu perniagaan, memberi tumpuan hanya kepada sesuatu perniagaan sahaja dan melakukan sesuatu perniagaan itu secara bersungguh-sungguh, tidak tergesa-gesa memilih sesuatu perniagaan hanya kerana melihat sesuatu perniagaan itu boleh memberi keuntungan dalam jangkamasa pendek. Mereka harus berpandangan jauh dan berhati-hati untuk membuat sesuatu pilihan atau keputusan.

Menurut Gomez (1999) lagi, peniaga kaum Cina di Malaysia dikatakan mempunyai kelayakan akademik yang baik, modal mula yang mencukupi serta mempunyai pengalaman dalam perniagaan yang mereka jalankan. Di samping itu mereka berani menghadapi risiko dan hanya akan melabur jika mereka yakin terhadap pelaburan itu

1.6 PERNYATAAN MASALAH

Kegagalan Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk menjadikan kaum Bumiputera sebagai usahawan yang berjaya masih menjadi tanda tanya. Apakah sebenarnya yang membantu kejayaan sesuatu perniagaan. Peluang, bantuan kewangan dan tunjuk ajar pengurusan yang dicurahkan oleh kerajaan selama ini tidak menjanjikan kejayaan. Mungkinkah nilai seseorang peniaga itu sendiri yang menyebabkan sesuatu kejayaan

selain dari apa yang disebutkan di atas. Banyak bantuan yang dicurahkan kepada kaum Bumiputera semenjak Dasar Ekonomi Baru dilaksanakan untuk membantu ekonomi kaum Bumiputera, namun demikian tahap ekonomi kaum Bumiputera masih rendah. Adakah masalah kewangan, pengurusan atau sikap dan nilai mereka yang menjadi penghalang kejayaan dalam perniagaan mereka.. Kemungkinan besar fenomena ini adalah disebabkan oleh sikap, nilai pegangan yang mereka miliki selama ini.

Kejayaan seseorang dalam perniagaan berpunca dari banyak faktor seperti modal, kemahiran, peluang dan nilai yang mereka amalkan. Abdul Aziz Deraman (2001) sendiri mengatakan bahawa, jika dibandingkan dengan Bumiputera kedudukan ekonomi kaum Cina adalah jauh lebih kehadapan, berbanding dengan kaum-kaum lain yang ada di Malaysia. Kajian ini tidaklah menjadikan kaum Bumiputera sebagai fokus utama kajian tetapi disebut juga kerana kaum Bumiputera perlu menjadi asas perbandingan bagi kedua-dua bangsa tersebut iaitu kaum Cina dan Bumiputera. Kaum Cina pula didapati lebih berjaya dalam perniagaan walaupun kurang bantuan dihulurkan oleh kerajaan kepada mereka. Mungkinkah nilai kaum Cina seperti bekerja kuat, rajin dan sebagainya boleh dijadikan pengukuran nilai untuk berjaya. Dengan bantuan yang banyak daripada kerajaan kepada kaum Bumiputera, sepatutnya tidak ada sebab dan halangan kepada mereka untuk berjaya seperti kaum Cina. Terlalu kurang kajian berkenaan nilai peniaga di Malaysia dalam sektor pembuatan yang dihasilkan. Oleh sebab itulah satu kajian tentang nilai-nilai kaum Cina perlu dilakukan. Nilai apakah yang menjadi pegangan mereka ketika menjalankan

perniagaan mereka. Untuk menjalankan kajian ini beberapa nilai umum telah dikenalpasti dan akan diuji kepada peniaga-peniaga kaum Cina yang terpilih. Pembolehubah yang akan digunakan ialah nilai-nilai peniaga, sebagai pembolehubah tidak bersandar dan kejayaan dalam perniagaan berdasarkan pertambahan keuntungan peniaga sebagai pembolehubah bersandar.

Kajian ini juga bertujuan melihat sama ada faktor demografi/peribadi seperti tahap pendidikan, jantina dan umur juga menjadi faktor luar yang akan mempengaruhi nilai yang dikaji terhadap kejayaan mereka dalam perniagaan. Dengan lain perkataan, kajian ini ingin mengenalpasti sejauhmanakah nilai-nilai akan memberi pengaruhnya terhadap prestasi perniagaan mereka, khususnya di utara Malaysia. Jika benar nilai yang mempengaruhi kejayaan mereka, kajian ini ingin mengenalpasti pula apakah nilai yang paling dominan terhadap kejayaan kaum Cina dalam perniagaan mereka.

Menurut Ong (1997) apabila krisis ekonomi berlaku pada tahun 1997, usahawan di Malaysia telah menanggung banyak kerugian dalam perniagaan yang mereka jalankan, sedangkan firma yang diasaskan oleh kaum Cina masih boleh bertahan dari ditimpa masalah yang sama dalam perniagaan. Firma ini dapat pula melindungi diri daripada kesan krisis yang berlaku dengan cara mengalihkan risiko yang mereka hadapi. Ong (1997) mengakui bahawa sifat berjimat-cermat yang diamalkan terutama apabila membuat pinjaman mengikut kemampuan, membolehkan mereka melangsaikan hutang mereka dan terus bertahan dalam arena perniagaan yang sentiasa mencabar. Nilai pegangan kaum Cina ini ingin dikenalpasti kerana kejayaan

kaum Cina dalam perniagaan cukup menonjol berbanding kaum lain. Mereka boleh mengatasi sesuatu masalah dengan cepat dan mempunyai rangkaian sesama kaum Cina yang kukuh, sikap bantu-membantu bila menghadapi masalah dalam kewangan jelas telah menjadi nilai mereka..

Tumpuan kajian ini adalah kepada faktor dalaman peniaga iaitu nilai yang dimiliki oleh peniaga Cina dan bukan mengkaji organisasi yang mereka jalankan. Nilai pegangan akan menentukan kejayaan sesebuah organisasi yang diuruskan. Kajian ini ingin melihat kepada individu yang menjalankan organisasi mereka. Nilai apakah yang menjadi pegangan utama mereka yang menyebabkan mereka dapat menguasai bidang perniagaan dengan begitu baik. Jelasnya kajian ini tidak melihat kepada organisasi perniagaan tersebut tetapi melihat kepada usahawan yang menjalankan perniagaan tersebut.

Nilai kaum Cina dapat dilihat melalui hasil penemuan Naisbitt (1997) yang percaya bahawa kaum Cina masih menjalankan perniagaan secara berasingan antara mereka iaitu secara individu mengikut jenis perniagaan masing-masing, tetapi mereka akan bekerjasama apabila perlu. Mereka bersaing sengit sesama sendiri dan menghalang kemasukan orang luar terutama yang bukan keluarga, sekampung atau puak yang sama. Apabila timbul krisis atau terdapat peluang besar, mereka akan bersatu dan bekerjasama. Perniagaan kaum Cina adalah berlandaskan jaringan orang dan kenalan mereka.

Menurut Naisbitt (1997) lagi kaum Cina telah membuktikan mereka boleh bertahan dalam apa juga suasana mahupun mereka akan terus dicurigai oleh masyarakat peribumi dan Bumiputera. Namun demikian mereka akan terus belajar menjadi fleksibel dan mempertahankan penampilan mereka yang tidak menonjolkan diri (low profile). Mereka juga bersedia untuk pulih dengan cepat bila mengalami sesuatu masalah perniagaan.

Naisbitt (1977) mengemukakan beberapa persoalan iaitu adakah golongan peniaga yang lebih berumur mempunyai pegangan nilai yang berbeza dengan golongan muda. Ia berpendapat bahawa golongan muda dikatakan tidak begitu berjimat cermat berbanding ibu bapa dan datuk moyang mereka. Perlu juga diselidiki perbezaan nilai yang dipegang oleh kaum Cina dari aspek perbezaan umur peniaga Cina yang terlibat. Misalnya adakah peniaga yang berumur lebih berupaya untuk mengurus perniagaan mereka supaya berjaya. Nilai yang dipegang oleh peniaga Cina dikatakan membawa sesuatu kejayaan kepada mereka. Apakah penemuan yang bakal didapati jika pegangan nilai itu dilihat dari segi jantina. Nilai yang dipegang oleh kaum lelaki mungkin berbeza dari kaum wanita. Mungkinkah kaum wanita lebih pandai mengurus untuk berjaya daripada kaum lelaki. Mungkinkah benar kaum wanita lebih bertanggung jawab dari kaum lelaki. Satu lagi aspek yang tidak kurang penting ialah aspek pendidikan peniaga tersebut. Pendidikan adalah satu proses perubahan nilai. Adakah nilai pegangan yang menyebabkan kejayaan mereka berpunca dari tahap pendidikan yang mereka ada. Mungkin juga tahap pendidikan ada peranan secara langsung dalam pemilihan nilai pegangan untuk berjaya. Jelasnya, kajian ini mahu

melihat bagaimana nilai-nilai pegangan kaum Cina ini membawa kejayaan dalam perniagaan mereka khususnya dalam firma atau industri pengeluaran di Malaysia. Sejauhmana pula faktor jantina, tahap pendidikan dan umur peniaga boleh membezakan atau mengubah nilai-nilai yang dipegang dalam perniagaan.

1.7 MENGAPA MENGAJI NILAI

Meglino dan Ravlin (1998) menyatakan banyak kajian dilakukan terhadap nilai dan kesan nilai kepada proses membuat keputusan dalam aktiviti perniagaan. Ini termasuklah membuat penilaian dan pemilihan pelbagai situasi di dalam soalan yang disediakan oleh pihak penulis yang terdahulu. Mereka juga telah menghasilkan beberapa cadangan tentang nilai dan kesan nilai. Tetapi malangnya dengan beberapa alasan, mereka tidak memberi gambaran yang jelas tentang hubungan antara nilai dengan kelakuan sebenar seseorang individu.

Jean Lee (1999) juga mendapati kebanyakan kajian tentang nilai usahawan dilakukan di barat. Kajian-kajian tersebut sudah pasti menggunakan sampel dari barat yang menggambarkan keadaan di barat. Oleh yang demikian, didapati kajian yang serupa sangat sedikit dibuat berdasarkan pendekatan Asia. Hasil kajian di barat tentulah tidak wajar diterimapakai di Asia kerana mereka mengamalkan nilai yang berbeza dengan orang Asia. Kajian ini cuba memberikan output tambahan kepada kajian yang sedia ada, khususnya tentang nilai usahawan di Asia, khususnya di Malaysia. Mohamad Noordin Sopiee dalam tulisan Ahmad Sarji (2003) mengakui bahawa nilai merupakan sesuatu yang penting dalam kehidupan. Nilai merupakan penentu sama

ada sesuatu sistem itu mampu berjalan atau tidak. Namun demikian tidak semua nilai itu relevan dan produktif dalam perniagaan. Nilai yang betul perlu disemai dalam perniagaan untuk mencapai matlamat yang tersendiri dan juga untuk mewujudkan perniagaan yang cemerlang. Antara nilai penting yang perlu disemai ialah berdikari, jimat cermat dan budaya menabung, kreativiti dan inovasi, kebersaingan, ketahanan dan pemikiran jangka panjang, berdikari, menjaga kebajikan pekerja, kepandaian dalam maklumat dan peningkatan kemahiran yang berterusan.

Menurut Mohamad Noordin Sopiee dalam buku yang ditulis oleh Ahmad Sarji (2003) lagi, semua masyarakat perlu menyemai nilai tersebut, melalui keluarga di rumah, sistem pendidikan di sekolah, universiti dan institusi pendidikan yang lain, kerajaan dan sektor swasta. Ibu bapa serta sistem pendidikan di Malaysia telah menyemai nilai kepada anak-anak dan para pelajar mereka walaupun tidak begitu disedari tentang proses pemupukan nilai yang dilakukan. Masyarakat atau kerajaan harus menyemai nilai yang betul secara sedar di samping berusaha menyekat nilai yang tidak produktif dalam perniagaan.

1.8 PERSOALAN KAJIAN

Kajian ini cuba menjawab persoalan kajian iaitu adakah nilai mempunyai hubungan dengan prestasi kaum Cina di utara Malaysia. Dalam satu kajian di Malaysia, Mohamad & Osman (1977) mengatakan terdapat hubungan yang signifikan antara nilai-nilai keluarga dengan peniaga-peniaga atau usahawan yang menjalankan perniagaan. Ini adalah antara bukti yang menunjukkan bahawa nilai dan kejayaan

memang terdapat hubungan. Ibu atau bapa usahawan yang memiliki sesuatu perniagaan menghasilkan beberapa nilai yang akan mempengaruhi seseorang usahawan untuk berjaya dalam perniagaan. Begitu juga suami atau isteri kepada usahawan merupakan orang yang paling penting dalam kehidupan usahawan / peniaga yang terlibat. Selain daripada menghasilkan amalan nilai-nilai yang boleh menjayakan perniagaan, mereka juga akan menyumbangkan modal / tunai bila diperlukan oleh usahawan terlibat. Antara nilai-nilai yang penting ialah bekerja keras, tidak takut kepada kegagalan dan agresif merupakan faktor yang akan membawa kejayaan dalam perniagaan.

1.9 OBJEKTIF KAJIAN.

Kajian ini ingin :

- i) Meneliti perhubungan di antara nilai dan kejayaan.
- ii) Menilai sama ada perbezaan yang signifikan wujud di antara umur, pendidikan, jantina dan nilai.

1.9.1 RASIONAL KESAN DEMOGRAFI TERHADAP NILAI

Untuk kajian ini faktor luaran yang dikenalpasti ialah umur peniaga kaum Cina, tahap pendidikan dan jantina mereka. Faktor demografi dijadikan sebagai luaran kerana beberapa sebab berikut:

- a) Asma Abdullah (2003) bersetuju bahawa kaum Cina di Malaysia mempunyai perasaan yang tinggi terhadap pelajaran. Berdasarkan budaya yang dibawa oleh Konfusius nilai-nilai yang dipegang merupakan amalan kaum Cina ke